

Kerajaan kaji kuasa halang hudud Pas: PM

BH 19 JUN 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Selasa – Kerajaan Pusat akan mengkaji kuasanya untuk menghalang kerajaan Pas Terengganu daripada melaksanakan undang-undang tidak adil dan bukan berlandaskan hukum Islam sebenar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang menyifatkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Kerajaan Terengganu sebagai tidak Islam, berkata kerajaan akan menghalang pelaksanaannya jika ia mempunyai kuasa untuk berbuat demikian.

“Kita kena tengok (kaji) kuasa Kerajaan Pusat dalam perkara ini. Kalau kita ada kuasa, kita akan menghalang pelaksanaan atau cadangan membuat undang-undang yang tidak adil, yang bertentangan dengan Islam.

“Ini undang-undang Hadi (Datuk Seri Abdul Hadi Awang), undang-undang Pas, bukan undang-undang Islam,” katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Ekspo Nasional Usahawan Pemuda Bumiputera anjuran Pemuda Umno dan melancarkan EON TrailWagon sempena Perhimpunan Agung Umno, di sini hari ini.

Banyak pihak termasuk pertubuhan wanita membantah Seksyen 9 Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu yang disifatkan menzalimi wanita mangsa rogol.

Mengikut seksyen itu, seseorang yang mengadu dirogol dengan tiada bukti nyata atau tiada sebarang qarinah (bukti) boleh disabitkan kesalahan qazaf (membuat fitnah zina) dan dihukum dengan 80 kali sebatan.

Rang undang-undang itu dijangka dibentangkan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, awal Julai ini.

Ditanya tidakkah tindakan Kerajaan Pusat (bagi menghalang pelaksanaan undang-undang itu di Terengganu) akan digunakan oleh pihak tertentu untuk menunjukkan Umno tidak Islamik, Dr Mahathir berkata Pas sebenarnya tidak Islamik.

“Kita Islamik. Dia yang tidak Islamik. Sebenarnya Pas tidak menekankan kepada ajaran Islam sebenar, sebab itu mereka sanggup kata macam-macam, menghina Tuhan... kata Tuhan mencarutlah. Macam-macam dia kata.

“Kita ikut ajaran Islam sebenar, yang menjadi asas. Umpamanya kita tidak boleh dengan mudah mengkafirkan orang”.

Ditanya apakah bezanya antara negara Islam fundamentalis seperti dinyatakannya semalam dengan Islam ala Pas, Perdana Menteri berkata, Pas menyimpang daripada ajaran Islam sebenar, sebaliknya Umno mengikut asas ajaran Islam.

Undang-undang dibuat Pas tidak adil

DARI MUKA 1

Katanya, undang-undang Islam sebenar mestilah adil tetapi undang-undang yang cuba dibentuk Pas Terengganu tidak adil kerana orang yang menjadi mangsa didera, sementara penjenayah terlepas.

Beliau berkata, undang-undang Islam sebenar tidak sedemikian dan tindakan Pas hendak melaksanakan satu undang-undang yang kononnya undang-undang Islam tetapi tidak ada keadilan, hanya menghina Islam itu sendiri.

Mengenai kenyataan

Menteri Besar Terengganu bahawa Pas akan tetap melaksanakan undang-undang hudud walaupun mendapat tentangan pelbagai pihak termasuk kalangan peguam dan draf undang-undang itu juga belum diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara, Perdana Menteri berkata;

"Dia (Pas) bukan nak buat undang-undang. Dia nak cari isu politik, nak tunjuk kononnya dialah orang yang nak melaksanakan hukum Islam, tapi yang dia nak laksanakan itu bukan hukum Islam...

itu hukum Pas, hukum Islam yang tak adil.

"Semua hukum Islam adil. Kalau sesuatu hukum itu tidak adil, ia bukan Islam. Jelas sekali dia punya undang-undang tidak adil".

Ketika ditanya apakah sesebuah kerajaan negeri boleh melaksanakan undang-undang yang berbeza daripada Kerajaan Pusat, Dr Mahathir berkata soal itu perlu dirujuk kepada pakar perundangan.

"Saya bukan pakar undang-undang. Kalau nak tanya sama ada boleh atau tidak, itu kena rujuk Pe-

guam Negara," katanya.

Mengenai isu Pemuda Umno dengan MCA, Perdana Menteri berkata masalah itu sudah selesai sekarang.

"Tak ada apa dah... dah selesai dah. Tak payahlah you (wartawan) nak gembar-gemburkan lagi. Tak ada apa. Ia cuma salah faham," katanya.

Mengulas ekspo anjuran Pemuda Umno itu pula, beliau berkata kerajaan memang menggalakkan ekspos sedemikian kerana ia membuka mata mereka yang berminat dengan peluang yang ada.